

## Penetapan harta asas pembayaran diat dalam konteks Malaysia

### *[Determining the basis of diyya payment property in the Malaysian context]*

**Lukman Abdul Mutalib<sup>1\*</sup>, Wan Abdul Fattah Wan Ismail,<sup>1</sup> Ahmad Syukran  
Baharuddin,<sup>1</sup> Radzniwan A Rashid,<sup>2</sup> Naji Arafat Haji Mahat,<sup>3</sup> & Muhamad Darwisy  
Mohd Razali<sup>1</sup>**

<sup>1</sup> Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia.

<sup>2</sup> Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia.

<sup>3</sup> Fakulti Sains, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Malaysia.

\* Corresponding Author: Lukman Abdul Mutalib, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. e-Mail: [lukman@usim.edu.my](mailto:lukman@usim.edu.my). Telp.: (+60) 192116145. ORCID iD: <https://orcid.org/0000-0002-4329-9941>.

---

#### **Keywords:**

*Diyya; Punishment;  
Compensation; Property;  
Malaysia.*

---

#### **ABSTRACT**

*Islam provides a unique two-pronged legal mechanism that is known as diyya. Diyya is not just a punishment for the offender in the form of a fine but also compensation for the victim. A certain amount of fine must be paid by the offender. Unlike summons, the compensation paid belongs to the victim and is not taken by the authorities. However, in the context of the implementation of diyya, the questions that arise are: who will bear the burden of this and what property can be used as a medium of payment? Hence, this article will describe the concept of diyya property in its implementation situation in Malaysia and the types of property that can be used for diyya payment. This article will also focus on the diyya rate and methods to set the rate in Malaysia. The methodology used is a library research method based on primary sources such as hadith and secondary sources from the collection of documentation such as books, articles, journals, working papers, internet sources, newspapers, and others. This article sums up the concept of main property in a country. In the context of Malaysia, it is the national currency which is the Malaysian Ringgit (RM). The ratio of the exchange of Dirham to RM transactions is applicable in Malaysia.*

---

#### **Kata Kunci:**

*Diat; Hukuman; Pampasan;  
Harta; Malaysia.*

---

#### **ABSTRAK**

*Islam menyediakan satu mekanisme perundangan yang unik bersifat serampang dua mata iaitu diat. Diat bukan sahaja dilihat sebagai hukuman kepada pesalah yang bersifat dendaan malahan ia juga dilihat sebagai pampasan kepada mangsa. Jumlah bayaran yang bersifat dendaan perlu dibayar oleh pesalah mengikut amaun tertentu. Selain itu, wang pampasan yang dibayar itu adalah milik mangsa kemalangan bukan dendaan yang diberikan oleh kerajaan semata. Namun demikian, dalam konteks pelaksanaan diat, persoalan yang timbul adalah siapakah yang akan menanggung*

bebanan diat dan apakah harta yang boleh digunakan sebagai medium pembayaran diat. Lantaran itu, artikel ini menghuraikan konsep kehartaan diat dalam situasi pelaksanaannya di Malaysia dan jenis-jenis harta yang boleh digunakan untuk pembayaran diat. Artikel ini juga memberi fokus kepada kadar diat dan bagaimanakah cara untuk menetapkan kadar tersebut di Malaysia. Metodologi yang digunakan adalah kaedah kajian kepustakaan berdasarkan sumber primer iaitu hadis dan sumber sekunder dari pengumpulan dokumentasi iaitu kitab, artikel, kertas kerja, sumber internet, akhbar dan lain-lain. Artikel ini merumuskan konsep kehartaan diat sebagai harta utama yang berlegar dalam sesebuah negara. Dalam konteks Malaysia ia adalah mata wang negara iaitu Ringgit Malaysia (RM). Pekadaran diat dari pertukaran transaksi Dirham kepada RM adalah terpakai di Malaysia.

Received: September 27, 2022

Accepted: November 10, 2022

Online Published: December 31, 2022

#### How to Cite:

Abdul Mutalib, L., Wan Ismail, W. A. F., Baharuddin, A. S., A Rashid, R., Haji Mahat, N. A., & Mohd Razali, M. D. (2022). Penetapan harta asas pembayaran diat dalam konteks Malaysia. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 7(2), 962-971. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v7i2.335>

## 1. Pendahuluan

Diat adalah satu mekanisme perundangan yang unik yang disediakan oleh agama Islam serta ia bersifat serampang dua mata (Abdullah et al., 2012). Pertama sebagai hukuman kepada pesalah dan kedua sebagai pampasan kepada mangsa. Hukuman dalam mekanisme diat adalah satu bentuk dendaan dan pampasan yang perlu dibayar oleh pesalah mengikut amaun tertentu. Manakala pampasan pula adalah wang yang menjadi milik mangsa kemalangan bukan dendaan yang diberikan kepada kerajaan (Ismail & Samudin, 2018). Dalam konteks pelaksanaan diat, ada dua persoalan pokok yang perlukan kepastian. Pertama, pihak yang akan menanggung bebanan diat dan kedua bentuk harta yang boleh digunakan sebagai medium pembayaran tersebut (Abdul Mutalib, 2004). Dalam artikel ini penulis menghuraikan konsep kehartaan diat dalam situasi pelaksanaannya di Malaysia.

Diat adalah satu mekanisme pampasan ganti rugi kemalangan yang terdapat dalam undang-undang jenayah Islam. Ia adalah satu hukuman yang berbentuk pampasan harta benda dan bayaran ganti rugi yang diwajibkan oleh syariat Islam bagi kesalahan jenayah dan sivil, kerana mencederakan atau menyebabkan kematian seseorang (Samudin, 2021). Dalam sistem Diat, seseorang yang tercedera atau terbunuh akibat perbuatan jenayah atau kecuaihan pihak lain akan menerima ganti rugi dan pampasan yang disebut sebagai diat. Diat ialah sejumlah harta tertentu yang perlu ditanggung oleh pihak penjenayah atau pesalah diberikan kepada mangsa atau warisnya sebagai satu bentuk pampasan atau ganti rugi khas mengikut kadar yang telah ditetapkan oleh hukum syarak. Penjenayah merujuk kepada kesalahan jenayah seperti membunuh atau mencederakan seseorang dengan niat jenayah. Manakala pesalah pula merujuk kepada kesalahan sivil seperti kemalangan jalan raya atau lain-lain yang mengakibatkan kematian dan kecederaan (Ismail, 2012).

Ulama berbeza pandangan tentang jenis harta dan kadar ganti rugi diat. Sebahagian ulama berpendapat, kadarnya ialah 100 ekor unta dengan sifat-sifatnya yang tertentu, sebahagian yang lain pula berpendapat 1000 Dinar emas. Ada juga yang berpendapat 12000 Dirham perak dan beberapa pandangan lain lagi (Musa, 2015). Oleh itu, penulisan ini memberi fokus kepada konsep harta dalam Islam dan jenis-jenis harta yang boleh digunakan untuk pembayaran diat dan kadarnya serta cara untuk menetapkan kadar tersebut.

## 2. Konsep Harta Dari Perpektif Ulama

Menurut Ibn al-Athīr, harta pada asalnya merujuk apa yang dimiliki oleh seseorang daripada emas dan perak. Kemudian ia berubah kepada setiap benda yang dimiliki. Bagi orang Arab, harta kebanyakannya dimaksudkan kepada unta kerana ia adalah harta yang paling banyak di sisi mereka (al-Athīr, t.th.). Imam Ibn ‘Abidīn (1966),

pula mendefinisikan harta sebagai setiap sesuatu yang diinginkan oleh tabiat manusia. Manakala imam Syafii pula mendefinisikan harta sebagai setiap benda yang mempunyai nilai untuk dijual beli dan wajib menggantinya sekiranya rosak atau binasa sekalipun sedikit. Ia juga suatu yang tidak dibuang (tidak diperlukan) oleh manusia seperti duit (syiling 1 sen) dan seumpamanya (al-Suyūfī, 1983).

Tidak wujud banyak perbezaan dalam kalangan ulama tentang pengertian harta. Walaupun terdapat beberapa perbezaan dari sudut lafaz, namun maksudnya adalah sama iaitu harta ialah sesuatu yang ingin dimiliki, boleh disimpan dan digunakan lantaran ia bernilai. Dua sifat utama harta ialah 'bernilai' dan 'boleh di simpan dan diasingkan' untuk tujuan pemilikan. Kedua-dua sifat ini menyebabkan harta terikat dengan pengaruh budaya dan adat resam setempat (al-Athīr, t.th.). Nilai mempengaruhi pengertian harta bagi sesuatu masyarakat. 'Nilai' ini pula banyak dipengaruhi oleh sistem adat dan agama (Ibn 'Abidīn, 1966). Sebuah komputer riba mungkin sangat bernilai bagi masyarakat moden berbanding sebatang sumpit. Berbeza dengan masyarakat asli kuno yang mana sumpit jauh lebih bernilai kerana ia alat utama untuk menyara kehidupan sedangkan komputer tidak memberi sebarang erti dalam kehidupan mereka. Contoh elemen agama mempengaruhi nilai harta ialah arak. Ia tidak bernilai kerana ia barangan yang diharamkan sedangkan sangat bernilai menurut orang bukan Islam (Abdul Mutalib, 2021). Istilah 'pengasingan' juga memberi interpretasi yang berbeza tentang harta mengikut zaman. Sebagai contoh, cahaya matahari dan udara tidak dikira sebagai harta kerana ia tidak boleh diasingkan untuk pemilikan. Ia ibarat ikan di laut. Namun, setelah kemajuan moden boleh mengasingkan cahaya matahari dan udara maka kedua-dua item itu boleh dianggap harta dan sah dijual beli (al-Athīr, t.th.).

Daripada perenggan di atas timbul persoalan, apakah hak dan manfaat harta? Bolehkah hak dan manfaat ini dikuasai dan diasingkan? Dalam persoalan ini ulama berselisih pendapat mengenai hak dan manfaat. Mazhab Hanafi berpendapat harta hanyalah benda yang bersifat fizikal (*corporeal*). Sebaliknya benda-benda yang bersifat *incorporeal* seperti hak dan manfaat bukan harta. Walaupun ia bukan harta tetapi boleh dimiliki. Dalam masa yang sama manfaat boleh bertukar menjadi harta yang bernilai melalui beberapa kontrak (akad) seperti kontrak sewa atau wakaf (al-Zuhaylī, 1997). Sementara itu, jumhur ulama pula berpendapat hak dan manfaat adalah harta. Ini kerana maksud sebenar dari sesuatu benda ialah manfaat yang dikehendaki darinya, bukan zat benda itu. Dalam masa yang sama hak dan manfaat boleh dikuasai iaitu dengan cara menguasai zat bendanya atau sumber manfaatnya (al-Zuhaylī, 1997).

Kesimpulannya, konsep harta dalam Islam agak terbatas jika dibandingkan dengan konsep harta dalam istilah undang-undang konvensional. Dalam Islam keabsahan harta hanya berlaku dengan dua syarat. Pertama ia boleh dimiliki dan diasingkan (الحيازة والإحراز) dan kedua ia berfaedah atau bernilai menurut syarak dan 'urf (Idrīs, 1986).

### 3. Konsep Harta Melalui Silang Agama dan Budaya

Dalam sebuah negara yang berbilang kaum seperti Malaysia yang mengamalkan agama, budaya dan adat resam yang berbeza (Mat Nor & Ramli, 2021), timbul satu persoalan iaitu apakah hukum sesuatu benda yang harus kepada satu agama dan haram kepada agama yang lain seperti arak dan babi? Dalam persoalan ini jumhur ulama selain mazhab Hanafi menyatakan bahawa harta yang tidak mempunyai nilai pada hukum syarak adalah tidak bernilai sekalipun ia bernilai kepada penganut agama lain. Ini kerana orang-orang bukan Islam yang tinggal di negara Islam (الدولة الإسلامية) mestilah mengikut hukum-hukum muamalat Islam seperti mana orang-orang Islam sendiri (al-Zuhaylī, 1997).

Berbeza dengan pendapat mazhab Hanafi yang mengatakan sesuatu yang mempunyai nilai mengikut agama dan budaya sesuatu kaum, ia dianggap sebagai harta yang bernilai. Ini kerana Islam tidak memaksa orang lain menganut agama Islam atau meninggalkan agama mereka. Mereka berhak beramal dengan agama yang mereka anuti. Oleh itu sekiranya seorang Muslim merosakkan harta seorang kafir seperti minuman arak atau makanan daripada daging babi, wajib ke atas Muslim itu mengganti kerugian tersebut (al-Zuhaylī, 1997).

Pendapat mazhab Hanafi ini dilihat sebagai lebih relevan dengan konteks masyarakat majmuk di Malaysia, yang mana negara ini mengamalkan sistem demokrasi yang memberi kebebasan kepada penganut agama lain untuk terus mengamalkan ajaran agama mereka tanpa sekatan (Husni, Omar, Alias, & Samuri, 2013). Hal ini demikian, dapat mengurangkan jurang perbezaan antara kaum yang terdapat di Malaysia dalam ruang lingkup yang dibenarkan oleh syarak. Berdasarkan situasi ini maka jelaslah bahawa pendapat mazhab Hanafi adalah pandangan yang lebih utama untuk dipegang (Abdul Mutalib, 2004).

Kesimpulannya, terdapat dua ciri asas untuk menentukan sesuatu benda itu bernilai atau tidak. Pertama, neraca yang digunakan ialah hukum syarak dan 'urf. Kriteria ini digunakan jika berinteraksi sesama umat Islam.

Kedua, semata-mata 'urf. Kriteria ini digunakan jika melibatkan interaksi bersama orang bukan Islam (al-Kāsānī, 1998).

#### 4. Harta Pembayaran Diat

Secara umumnya, sistem diat telah dipraktikkan semenjak zaman jahiliah lagi. Walaupun begitu, penerimaan masyarakat jahiliah terhadap sistem ini pada ketika itu hanya berlaku dalam keadaan yang terpaksa sahaja kerana mereka menganggap menerima diat adalah satu penghinaan (Idrīs, 1986). Harta asas bagi pembayaran diat di zaman jahiliah adalah unta (Ḥusayn Ḥaykal, 1963; Zaydān, t.th.).

Unta merupakan harta utama bagi masyarakat Arab jahiliah. Ia merupakan nadi kehidupan mereka. Unta yang disifatkan sebagai bahtera 'padang pasir' adalah merupakan simbol kekayaan dan kemegahan bagi masyarakat ini. Bahkan sebarang transaksi ekonomi yang melibatkan jumlah yang besar akan melibatkan unta (al-Athīr, t.th.). Bilangan unta yang dikenakan untuk pembayaran diat dalam masyarakat Arab Jahiliah berbeza-beza mengikut kedudukan dan darjat mangsa dalam satu-satu kabilah. Iaitu bermula dari 10 hinggalah ke 1000 ekor unta. Dalam kabilah Quraisy misalannya kadar diat ditetapkan pada asasnya 10 ekor unta. Namun begitu, bilangan tersebut mula bertambah apabila 'Abd al-Muṭalib membayar diat bagi menebus anaknya 'Abdullah kerana mengingkari nazar untuk menyembelohnya dengan seratus ekor unta. Bermula dari saat itu kadar diat bagi kaum Quraisy dan kebanyakan bangsa Arab ialah 100 ekor unta (Ḥusayn Ḥaykal, 1986; Ibn Kathīr, 1978; Ibn Qunfudh, 1984).

Sementara itu bagi kabilah-kabilah lain sebelum itu kadar diat mereka ada yang mencecah sehingga seribu ekor unta. Dalam peperangan Dahīs dan Ghabra' contohnya, kadar diat yang diberikan ialah 200 ekor unta, sementara dalam peperangan Basus pula ialah 1000 ekor unta (al-Athīr, 1987; Ḥasan Ibrāhīm, 1964). Justeru, tidak ada satu kaedah yang khusus dalam menentukan kadar diat kecuali budi bicara salah satu atau kedua-dua belah pihak yang terlibat (Abdul Mutalib, 2004).

Kesimpulannya, apabila agama Islam berkembang di Tanah Arab beberapa perlaksanaan hukum yang terdapat di zaman jahiliah diteruskan pada zaman Nabi SAW, antaranya ialah sistem diat. Namun begitu, kadar diat yang dikenakan dalam Islam ialah 100 ekor unta sama seperti amalan masyarakat Arab Quraisy ketika itu.

#### 5. Harta Asas Pembayaran Diat

Bermula dengan unta, harta pembayaran diat telah berkembang kepada emas dan perak. Kemudian kepada lembu, kambing dan seterusnya pakaian. Barangan-barangan yang dinyatakan ini sabit melalui beberapa hadis Rasulullah SAW serta menjadi amalan para sahabat dan imam-imam mazhab dalam Islam. Walaupun jumhur ulama mengharuskan pembayaran diat dengan harta-harta tersebut namun mereka berselisih pendapat berkenaan harta asas yang digunakan untuk pembayaran Diat (Idrīs, 1986).

Dimaksudkan dengan harta asas ialah harta tersebut berdiri dengan sendiri sebagai asas pembayaran diat dan bukan nilai kepada barangan lain (Abdul Mutalib, 2004). Kepentingan menentukan harta asas ini memberi dua implikasi hukum syarak berkenaan masalah diat:

- i. Sekiranya sesuatu harta itu adalah harta asas, penerima diat tidak berhak membuat sebarang pilihan untuk menolak pembayaran diat dari jenis harta tersebut kerana hak memilih adalah hak pembayar diat.
- ii. Harta asas mempunyai nilai yang tetap. Sebaliknya harta gantian akan berubah-ubah mengikut nilai harta asas. Jika pembayaran diat dibuat menggunakan harta gantian kadarnya perlulah dirujuk kepada nilai harta asas pada masa tersebut. Nilai ini boleh naik dan turun berasaskan kepada turun naiknya nilai harta asas di pasaran (Bahnasī, 1988).

Dalam menentukan apakah harta asas bagi pembayaran diat, ulama telah berselisih pendapat kepada beberapa mazhab dan pandangan. Menurut mazhab Hanafi dan Malīkī harta asas bagi pembayaran diat terdiri dari tiga jenis, iaitu unta, emas dan perak (Abū al-Fuṭūḥ, 1976; al-Kāsānī, 1998). Hujah-hujah dari pandangan mazhab Hanafi dan Malīkī berasaskan kepada sabda Rasulullah SAW perbuatan 'Umar RA dan logik akal. Di antara hujah tersebut ialah sabda Rasulullah SAW yang bermaksud nilai diat bagi satu jiwa ialah 100 ekor unta (Mālik, 1997). Sementara dalil bagi emas dan perak pula ialah sabit melalui tindakan Rasulullah SAW mengenakan diat 1000 Dinar kepada kafir *dhimmī*. Oleh yang demikian pada hak seorang Muslim untuk mendapat kemudahan ini adalah lebih utama (al-Suyūfī, t.th.; al-Kāsānī, 1988). Demikian juga athar dari imam Mālik Rahimahullah berkata:

حَدَّثَنِي مَالِكٌ أَنَّهُ بَلَغَهُ أَنَّ عُمَرَ بْنَ الْخَطَّابِ قَوْمَ الدِّيَةِ عَلَى أَهْلِ الْقُرَى فَجَعَلَهَا عَلَى أَهْلِ الذَّهَبِ أَلْفَ دِينَارٍ وَعَلَى أَهْلِ الْوَرِقِ  
 اثْنَيْ عَشَرَ أَلْفَ دِرْهَمٍ قَالَ مَالِكٌ فَأَهْلُ الذَّهَبِ أَهْلُ الشَّامِ وَأَهْلُ مِصْرَ وَأَهْلُ الْوَرِقِ أَهْلُ الْعِرَاقِ

[Mālik, *al-Muwattaʿ*, *Kitāb al-ʿUqūl, Dhikr al-ʿUqūl*, nombor hadis 1601, Sahih]

Maksudnya:

“Telah meriwayatkan kepadaku oleh Mālik RA bahawa telah disampaikan kepada beliau bahawa ‘Umar ibn al-Khattāb RA menilai diat kepada penduduk bandar. Beliau menetapkan kepada mereka yang bertransaksi dengan emas sebanyak 1000 Dinar sementara mereka yang bertransaksi dengan perak sebanyak 12000 Dirham. Seterusnya Imam Mālik Rahimahullah berkata: “Golongan yang bertransaksi dengan emas ialah penduduk Syam dan Mesir, sementara yang bertransaksi dengan perak ialah penduduk Iraq”.”

Imam al-Bājī berkata: “Kadar yang dinyatakan oleh Umar RA ini tetap tidak berubah-ubah sekalipun harga unta di pasaran berubah-ubah.” (al-Kāndahlawī, t.th.: 9). Ini menunjukkan bahawa Dinar dan Dirham bukan nilai kepada unta. Bahkan sekiranya pihak berkuasa telah menetapkan harta pembayaran diat kepada salah satu dari tiga jenis ini terhadap *ʿaqīlah* (ahli keluarga pesalah), mereka tidak boleh beralih kepada harta lain. Berkenaan dengan barangan yang lain seperti lembu kambing dan pakaian ia hanya berlaku secara *muṣālahah*, iaitu persetujuan bersama kedua-dua belah pihak. Pendapat ini juga adalah merupakan pendapat mazhab *ʿIbādīyyah* dari kalangan Khawarij (Husarī, 1973). Manakala menurut imam Abū Yūsuf, Muḥammad ibn Ḥasan daripada mazhab Hanafi, Ḥasan al-Baṣrī, Sufyān al-Thawrī, *fuqahāʾ al-sabʿah* daripada Madinah yang terdiri daripada Ibn al-Musāib, ‘Urwah ibn al-Zubair, al-Qāsim ibn Muḥammad, Khārajāt ibn Zaīd, Abū Bakr ibn ‘Abd al-Rahmān, Sulāiman ibn Yasār dan ‘Ubaīdillah ibn ‘Abdullah serta diikuti juga oleh mazhab Syiah Imāmiyyah dan Zaidiyyah berpendapat harta asas bagi pembayaran diat terdiri dari enam jenis harta, iaitu unta, emas, perak, lembu, kambing dan pakaian. Harta-harta ini mempunyai nilainya yang tersendiri (Husarī, 1993; Bahnasī, 1988; Ibn Ḥazm, 1997). Berdasarkan semua pandangan ulama di atas, mereka berhujah dengan athar ‘Umar RA dan hadis Rasulullah SAW:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَضَى فِي الدِّيَةِ عَلَى أَهْلِ الْإِبِلِ مِائَةً مِنَ الْإِبِلِ وَعَلَى أَهْلِ الْبَقَرِ مِائَتَيْ بَقَرَةٍ وَعَلَى أَهْلِ  
 الشَّاءِ أَلْفَيْ شَاةٍ وَعَلَى أَهْلِ الْحُلَلِ مِائَتَيْ حُلَّةٍ .....

[Abū Dāwud, *Sunan Abī Dāwud, Kitāb al-Dīyāt, Bāb al-Dīyat kam hīya*, nombor hadis 4543, *Ḥasan*]

Maksudnya:

“Rasulullah SAW menetapkan kadar diat kepada ahli unta sebanyak 100 ekor, kepada ahli lembu sebanyak 200 ekor, kepada ahli kambing 2000 ekor, kepada ahli pakaian 200 pasang pakaian...”

Menurut mazhab Hanbalī pula harta asas bagi pembayaran diat ialah unta, emas, perak, lembu dan kambing (Bahnasī, 1988). Mereka mengecualikan pakaian kerana menurut mereka ia tidak sabit melalui hadis yang sahih di samping nilai pakaian berbeza-beza dan tidak tetap (al-Bahutī, t.th.). Mazhab Hanbalī juga berpendapat tidak ada pemberatan dalam diat emas dan perak kerana tidak ada nas yang menyatakannya. Sebaliknya dalam masalah Diat lembu dan kambing pemberatan Diat wujud kerana ia diqiaskan kepada unta (al-Bahutī, t.th.). Mazhab Syafii mempunyai dua pendapat. Mengikut *qawl qadīmnya* harta asas dalam pembayaran diat ada tiga iaitu unta, emas dan perak. Manakala mengikut *qawl jadīdnya* harta asas diat hanyalah unta semata-mata. Dalam keadaan ketiadaan unta, diharuskan membayar diat dengan menggunakan emas dan perak tetapi tidak lagi dengan nilainya yang tersendiri sebaliknya mengikut nilai unta di pasaran (Husarī, 1993; Bahnasī, 1988).

Dalam *qawl qadīmnya*, imam al-Syafii berhujah dengan hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh ‘Amr ibn Ḥazmīn bahawa Rasulullah SAW memerintahkan kepada penduduk Yaman membayar diat sebanyak 100 ekor unta, penduduk yang berinteraksi dengan emas membayar 1000 miskal dan penduduk yang berinteraksi dengan perak sebanyak 12000 Dirham (al-Dārimī, 1987; Muthiʿī, t.th.). Berasaskan pendapat ini, harta asal pembayaran diat terdiri dari tiga barangan iaitu unta, emas dan perak. Namun begitu, menurut *qawl jadīd*, imam al-Syafii telah mengubah fatwanya berhujah kepada athar ‘Umar RA yang diriwayatkan oleh ‘Amrū ibn Shuʿayb:

كَانَتْ قِيمَةُ الدِّيَةِ عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثَمَانِ مِائَةِ دِينَارٍ أَوْ ثَمَانِيَةَ آلَافِ دِرْهَمٍ وَدِيَةُ أَهْلِ الْكِتَابِ يَوْمَئِذٍ النَّصْفُ مِنْ دِيَةِ الْمُسْلِمِينَ قَالَ فَكَانَ ذَلِكَ كَذَلِكَ حَتَّى اسْتُخْلِفَ عُمَرُ رَحِمَهُ اللَّهُ فَقَامَ حَاطِبِيًّا فَقَالَ أَلَا إِنَّ الْبَابَ قَدْ غَلَّتْ قَالَ فَفَرَضَهَا عُمَرُ عَلَى أَهْلِ الذَّهَبِ أَلْفَ دِينَارٍ وَعَلَى أَهْلِ الْوَرِقِ اثْنَيْ عَشَرَ أَلْفًا وَعَلَى أَهْلِ الْبَقَرِ مِائَتَيْ بَقْرَةٍ وَعَلَى أَهْلِ الشَّاءِ أَلْفِي شَاةٍ وَعَلَى أَهْلِ الْحُلَلِ مِائَتَيْ حُلَّةٍ.

[Abū Dāwud, *Sunan Abī Dāwud, Kitāb al-Dīyāt, Bāb al-Dīyyat kam hīya*, nombor hadis 4542, *Hasan*]

Maksudnya:

“Kadar diat pada masa Rasulullah SAW ialah 800 Dinar atau 8000 Dirham. Diat ahli kitab pada masa itu adalah separuh dari diat orang Muslim. Demikianlah keadaannya sehinggalah ‘Umar RA menjadi khalifah. Pada satu hari ‘Umar RA berkhotbah: “Sesungguhnya harga unta telah mahal.” Lalu ‘Umar RA memerintahkan bagi penduduk yang berinteraksi dengan emas 1000 Dinar. Bagi yang berinteraksi dengan perak 12000 Dirham. Dan yang berinteraksi dengan lembu 200 ekor, yang berinteraksi dengan kambing 2000 ekor dan yang berinteraksi dengan pakaian 200 pasang”.

Pendapat imam Syafii ini juga dikongsi oleh imam Ibn Ḥazm al-Zāhirī (Husarī, 1993). Sementara dalam kalangan ulama mutakhir yang berpendapat sedemikian ialah imam Abū Zahrah (t.th.). Menurut ‘Umar ibn ‘Abd al-‘Azīz harta asas bagi pembayaran diat adalah unta. Sungguhpun begitu, unta yang boleh dijadikan bayaran diat ialah unta yang berharga setiap seekor darinya seratus Dirham (Abū Zahrah, t.th.; Ibn Ḥazm, 1997). Manakala dinukilkan dari Ibrāhīm al-Nakhā‘ī pula beliau berpendapat unta yang boleh dijadikan bayaran diat ialah unta yang berharga setiap seekor darinya seratus dua puluh Dirham (Ibn Ḥazm, 1997).

Daripada perbincangan ulama di atas, dapat dinyatakan bahawa dalam permasalahan harta diat ini ulama berselisih kepada empat (4) pendapat:

- i. Harta asas bagi pembayaran diat terdiri dari enam jenis harta. Harta tersebut ialah unta, emas, perak, lembu, kambing dan pakaian. Mereka yang berpendapat demikian ialah mazhab Syiah Imāmiyyah dan Syiah Zaidiyyah, imam Abū Yūsuf dan imam Muḥammad ibn Ḥasan daripada mazhab Hanafi.
- ii. Harta asas diat terdiri dari lima jenis, iaitu unta, emas, perak, lembu dan kambing. Pendapat ini di dokong oleh mazhab Ḥanbalī mengikut pendapat yang masyhur.
- iii. Harta asas diat terdiri dari tiga jenis harta iaitu unta, emas, dan perak. Pendapat ini dipegang oleh mazhab Hanafī, Malīkī, mazhab ‘Ibādiyyah daripada kalangan Khawarij dan *qawl qadīm* bagi mazhab Syafii.
- iv. Harta asas diat terdiri dari satu jenis sahaja iaitu unta. Pendapat ini adalah pendapat mazhab Syafii pada *qawl jadīd* dan pendapat mazhab al-Zāhirī.

Perselisihan pendapat dalam kalangan ulama para mengenai harta diat ini memberi faham bahawa ia merupakan perkara *ijtihādī* yang boleh berubah dan berbeza-beza mengikut perbezaan pendapat. Dalam persoalan *ijtihād*, perbezaan pendapat adalah merupakan perkara biasa, bahkan setiap mujtahid bermal mengikut keyakinan masing-masing. Ada kalanya keyakinan ini berubah setelah mendapat beberapa dalil-dalil atau petunjuk baharu. Sebagai contoh imam Syafii telah memberikan beberapa fatwa yang berbeza dalam masalah yang sama ketika beliau berada di Iraq berbanding ketika beliau berada di Mesir (al-Zuhaylī, 1997).

Kesimpulannya, perselisihan pendapat dalam kalangan ulama ini membuktikan bahawa Islam adalah agama yang fleksibel dan bersifat realiti. Ia bukan agama yang statik dan kaku yang tidak berubah sekalipun zaman telah jauh berubah. Fleksibiliti ini adalah antara ciri-ciri yang menjadikan Islam satu agama yang realistik sepanjang zaman.

## 6. Harta Asas Diat Mengikut Realiti di Malaysia: Satu Analisa

Dalam menangani persoalan *ijtihādī* ini, terdapat satu kaedah yang sering dipegang oleh para ulama iaitu لا ينكر

المختلف فيه وإنما ينكر المجمع عليه (Tidak disanggah perbezaan pandangan dalam perkara-perkara diperselisihkan, sebaliknya disanggah jika wujud perbezaan pandangan dalam perkara yang diijmakkan) (Muṣṭafā Zuhaylī,







- al-Suyūṭī, J. (t.th.). *Sharḥ Sunan Ibn Mājah*. Karachi, Pakistan: Qadīmī Kutub Khanah.
- al-Zuhaylī, W. (1997). *al-Fiqh al-Islāmī wa adillatuh*. Damsyik, Syria: Dār al-Fikr.
- Bahnasī, A. F. (1988). *al-Diyyāt fī al-sharī‘at al-Islāmīyyat*. Beirut: Dār al-Shurūq.
- Ḥanbal, A. (t.th.). *Musnad Aḥmad*. Kaherah, Mesir: Mu’assasah Qurṭūbah.
- Ḥasan Ibrāhīm, H. (1964). *Tarīkh al-Islām al-siyāsī, wa al-dīn wa al-thaqāfī wa al-ijtima‘ī*. Kaherah, Mesir: Maktabah al-Nahḍah al-Miṣriyyah.
- Ḥusaīn Haykal, M. (1986). *Sejarah hidup Muḥammad SAW*. Ali Audah (terj). Singapura: Penerbitan Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Husarī, A. (1973). *al-Qiṣāṣ, al-diyyāt, al-‘isyān al-muṣallat fī al-fiqh al-Islāmī*. Kaherah, Mesir: Maktabah al-Kitāb al-Azhariyyah.
- Husarī, A. (1993). *al-Sīyāsāt al-jazā‘iyyah: jarā‘im al-qiṣāṣ, al-diyyāt, al-‘isyān al-muṣallat*. Beirut: Dār al-Jil.
- Ḥusayn Haykal, M. (1963). *Ḥayāt Muḥammad*. Kaherah, Mesir: Maktabah al-Nahḍah al-Miṣriyyah.
- Husni, A. M, Omar, A. F., Alias, M. N., & Samuri, M. A. A. (2013). The status of insurance as an alternative to aqilah for diyat payments pertaining to road accidents. *Jurnal Hadhari: An International Journal*, 5(1), 141-160. Dicapai daripada <http://journalarticle.ukm.my/5312/>.
- Ibn ‘Abidīn, M. A. (1966). *Hāshiyah Ibn ‘Abidīn*. Jil. 4. Beirut: Dār al-Fikr.
- Ibn al-Athīr. (1987). *al-Kāmil fī al-tārikh*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn al-Athīr. (t.th.). *al-Nihayah fī gharīb al-ḥadīth wa al-athar*. Jil. 4. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth Li al-‘Arabī.
- Ibn Ḥazm. (1997). *al-Muḥallā sharḥ al-Mujallā*. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī.
- Ibn Kathīr. (1978). *Sīrah al-Nabawīyyah*. Jil. 1. Beirut: Dār al-Fikr.
- Ibn Qunfudh, M. (1984). *Wasīlat al-Islām bi al-nabī ‘alaīh al-ṣolat wa al-salām*. Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī.
- Ibrāhīm, A. Y. Y. (t.th.). *Kitāb al-kharāj*. Beirut: Dār al-Ma‘rifah li al-Ṭibā‘ah wa al-Nashr.
- Idrīs, I, A. (1986). *al-Diyyat bayn al-‘uqūbat wa al-ta‘wīd fī al-fiqh al-Islāmī al-muqārin*. Beirut: Dār Wa Maktabah al-Hilāl.
- Ismail, P. (2012). Pelaksanaan diyat dalam kerangka perundangan di Malaysia: Cabaran fiqh semasa. *Jurnal Fiqh*, 9, 1-20. <https://doi.org/10.22452/fiqh.vol9no1.1>.
- Ismail, S. Z. & Samudin, S. A. (2018). Pampasan ganti rugi mangsa kemalangan jalan raya: Ke arah mengintegrasikan diat dengan insurans di Malaysia. *Kanun Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 30(1), 1-37. Dicapai daripada <http://jurnal.dbp.my/index.php/Kanun/article/view/1562>.
- Jasmīn, K. (2002). *Ba‘d al-ishkālāt allatī yuthūruhā ḍamān adhā al-naḥs*. Kuwait: Majlis al-Nashr al-‘Ilmī Jāmi‘ah.
- Mahmūd, T. (1996). *Criminal law in Islam and the Muslim world: A comparative perspective*. New Delhi, India: Institute of Objective Studies.
- Mālik, A. (1997). *al-Muwaṭṭā‘*. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī.
- Mat Nor, M. A., & Mohamad Ramli, Y. (2021). Asas-asas hubungan kemasyarakatan antara agama dalam perspektif Islam dan Kristian: The foundations of interfaith societal relations in Islamic and Christian perspectives. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 6(2), 718-732. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v6i2.218>.
- Musa, M. H. (2015). Penggunaan emas dan perak dalam menentukan nilai pampasan diyat: Suatu analisis ke atas nilai pertukaran mata wang semasa. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*, 19(1), 27-33. Dicapai daripada <https://myjurnal.mohe.gov.my/public/article-view.php?id=93453>.
- Muslim, A. Ḥ. (t.th.). *Ṣaḥīḥ Muslim*. Kaherah, Mesir: Dār al-Ta‘shīl.
- Muṣṭafā Zuhaylī, M. (2006). *al-Qawā‘id al-fiqhiyyat wa taḥḍīrātihā fī al-madhāhib al-arba‘ah*. Damsyik, Syria: Dār al-Fikr.
- Muthi‘ī, M. N. (t.th.). *Kitāb al-majmū‘ sharḥ al-Muḥadhab li al-Shayrāzī*. Jeddah, KSA: Maktabah al-Irshād.
- Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan. (2022). Diakses 19 September 2022, daripada <https://www.zakat.com.my/info-zakat/arkib-nisab-tahunan/>.
- Samudin, S. A. (2021). Sejarah diat dan aqilah serta pelaksanaannya pada masa kini. *Islamiyyat The International Journal of Islamic Studies*, 43(2), 69-80. Dicapai daripada <http://journalarticle.ukm.my/17707/>.
- Zaydān, J. (t.th.). *al-‘Arab qabl al-Islām*. t.tp.: Dār al-Hilal.